

17 FEB 1997

PERDANA MENTERI TIBA DI KOTA KINABALU UNTUK LAWATAN DUA HARI

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba dengan pesawat khas di sini pukul 5.10 petang ini bagi memulakan lawatan dua hari.

Antara yang menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, barisan kabinet negeri serta pegawai kanan persekutuan dan negeri.

Dr Mahathir dijadualkan membuat kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri sebelum menghadiri sambutan perayaan berkembar Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri di Pusat Perdagangan Sabah di sini pada sebelah malam.

Majlis itu dijangka dihadiri 7,000 orang.

Esok, Perdana Menteri dijadual menghadiri perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri, dan sejurus selepas itu dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam di Sabah.

Beliau kemudian akan melancarkan Le Tour de Langkawi 1997 iaitu kejohanan lumba basikal terkemuka di Asia pada tengah hari sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang. -- BERNAMA

KG WAT